

## HARI MINGGU BIASA KE-18 (A)

Yesaya 55:1-3; Mazmur 144(145):8-9. 15-18. S/ ay. 16; Roma 8:35. 37-39  
Matius 14:13-21

**Tema: KITA BERSYUKUR KEPADA ALLAH ATAS MAKANAN ROHANI DAN MATERIAL DAN KITA KONGSIKAN MAKANAN ROHANI DAN MATERIAL KITA DENGAN ORANG LAIN.**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa yang ke-18 dalam Tahun Liturgi A. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa Tuhan memberi kita makanan rohani dan material! Bacaan Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus mengambil lima roti dan dua ekor ikan dan memberi syukur kepada Allah dan Dia memecah roti dan memberinya kepada orang ramai untuk di makan. Orang ramai itu memakannya sebanyak yang boleh sehingga mereka kenyang dan mereka mengumpul sisa-sisa makanan dalam dua belas bakul! Mereka yang makan adalah seramai lima ribu lelaki dan jika kita memasukkan perempuan dan kanak-kanak jumlahnya mungkin lebih dari dua puluh atau tiga puluh ribu banyaknya! (Komentari New Jerusalem Biblical).

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus melakukan tiga perkara penting! Pertama, Yesus bersyukur kepada Allah! Doa kesyukuran itu adalah yang paling penting! Walaupun sebelumnya kita meminta apa juga, kita harus bersyukur kepada Allah atas segala-galanya! Teologis Pencipta Amerika berkata bahawa jika doa yang hanya kita tahu adalah “terima kasih”, itu sudah cukup baik! Walaupun jika kita memulai doa dengan bersyukur kepada Allah di sini dan saat ini kita tidak akan dapat habis berterima kasih kepada-Nya walaupun sampai akhir dunia!

Perkataan “Ekaristi” dalam bahasa Yunani bererti “kesyukuran” dan di dalam Doa Ekaristi kita terutama sekali bersyukur kepada Allah sebelum kita memohon kepada-Nya untuk apa-apa jua! Tetapi hari ini ada orang-orang yang bukan sahaja tidak bersyukur kepada Allah tetapi mereka tidak percaya kepada Allah sama sekali! Itulah sebabnya mengapa mereka tidak pernah menghadiri Misa Kudus! Itulah sebabnya mengapa pentingnya kamu membawa mereka datang ke Misa Kudus setiap Hari Minggu!

Perkara kedua yang Yesus lakukan adalah memecah roti dan memberikannya kepada orang ramai untuk di makan! Itulah perkongsian! Sudah mencukupi untuk keperluan semua orang tetapi tidak mencukupi untuk ketamakkan semua orang! Iaitu, jika kita kongsikannya tentunya cukup untuk semua orang! Katekismus Belia (YOUCAT; 448) memberitahu kita bahawa:

**“Allah telah mempercayakan kepada kita bumi yang kaya, yang menyediakan sumber makanan dan tempat tinggal. Namun.....ada lebih dari satu milyar orang hidup di bumi ini yang bekerja dengan penghasilan kurang dari satu dolar per hari. Mereka menderita kekurangan makanan dan air bersih. Sebahagian besar dari mereka tidak memiliki akses untuk pendidikan atau kesehatan. Diperkirakan lebih dari 25,000 orang meninggal setiap hari kerana kekurangan gizi. Banyak dari mereka adalah kanak-kanak.”**

Katekismus Belia memberitahu kita bahawa kita harus berkongsi! Kita harus mengamalkan kebajikan dan keadilan terhadap yang miskin & memerlukan!

Perkara ketiga yang Yesus lakukan adalah menyatakannya dengan lebih tegas yang selari dengan ayat Yohanes 6:12 (Mt 14:20):

**“Setelah semua orang makan sampai kenyang, Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, “Kumpulkanlah lebih makanan, jangan sampai ada yang terbuang” ([ABB]New Jerusalem Bible (NJB))**

Jangan membazir, jangan mengingini! Sesungguhnya pembaziran dan ketamakan kehidupan kitalah yang memusnahkan persekitaran kita hari ini! Kita harus tinggal dengan gaya hidup yang sederhana untuk menyelamatkan persekitaran kita hari ini! Justru itu Santo Paus Yohanes Paulus II menulis dalam pesan Hari Kedamaian Sedunianya (1 Januari 1990):

**“Masyarakat Modern tidak akan menemui penyelesaian kepada masalah ekologi melainkan jika ia mengambil pendekatan yang serius pada gaya hidupnya.....kesederhanaan, sikap tidak berlebihan dan disiplin, dan juga semangat berkorban, harus menjadi sebahagian dari kehidupan seharian.....”**

Injil hari ini juga memberitahu kita bahawa Tuhan bukan sahaja memberi kita makanan material, tetapi Dia juga memberi kita makanan rohani! Justru itu empat aksi Yesus, iaitu, memberi, bersyukur/berkat,

memecah dan memberi, ada persamaan kepada empat aksi Ekaristi, iaitu, memberi (persembahan), bersyukur/berkat (Doa Ekaristi), memecah (Memecah Roti), dan memberi (Komuni Kudus)! Tetapi Misa Kudus Minggu kita mempunyai dua bahagian, iaitu, Liturgi Sabda dan Liturgi Ekaristi! Justru itu Pengantar Injil hari ini:

**“Manusia hidup bukan saja dari makanan, melainkan juga dari setiap sabda Allah.” (Sunday Missal (SM); Mat 4:4)**

Kita harus datang menghadiri Misa Kudus setiap Minggu untuk memakan makanan rohani dan Ekaristi! Kita tidak seharusnya datang lambat untuk makanan rohani Sabda; malahan kita harus datang awal ke Misa Kudus untuk membaca Sabda Allah sebelum Misa Kudus bermula!

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Tuhan memberi kita makanan rohani! Dengan itu kita baca:

**“Marilah, setiap orang yang haus, minumlah air yang tersedia. Marilah, kamu yang tidak mempunyai wang, terimalah gandum dan makanlah. Mari! Terimalah anggur dan susu, tanpa membayar apa-apa. Mengapakah kamu membeli sesuatu yang tidak memuaskan? Mengapakah kamu bekerja untuk sesuatu yang tidak mengenyangkan? Dengarlah firman-Ku dan turutlah perintah-Ku, maka kamu akan menikmati makanan yang terbaik. Sekarang dengarlah, hai umat-Ku; datanglah kepada-Ku, lalu kamu akan hidup. Aku akan mengadakan perjanjian yang kekal dengan kamu, dan memberi kamu berkat yang Kujanjikan kepada Daud. (SM; Yes 55:1-3)**

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Dengan itu sahutannya:

**“Engkau membuka tangan-Mu dan memenuhi keinginan segala mahluk yang hidup.” (SM; Mzm 144(145):16)**

Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama memberitahu kita bahawa “Tuhan itu adalah baik dan penuh belas kasihan, lambat murka, besar kasih setia-Nya” (Mzm 144(145):8; Kel 34:6). Rangkap kedua memberitahu kita bahawa Tuhan memberi kita makanan! Makanan Rohani dan material! Rangkap ketiga memberitahu kita bahawa Tuhan itu adalah adil dan penuh kasih setia dan Dia mendengar kepada doa-doa kita!

4. Bacaan kedua tidak menuruti tema Hari Minggu, tetapi bacaan kedua mempunyai sesuatu yang penting untuk diberitahu kepada kita! Bacaan kedua memberitahu kita bahawa tiada yang dapat memisahkan kita dari cinta kasih Allah yang diperlihatkan dalam Yesus Kristus! Iaitu, tidak ada yang dapat menghalang Allah untuk mengasihi kita dan tidak ada yang dapat menghalang kita untuk mengasihi Allah! Allah lebih dulu mengasihi kita sebab itu kita mengasihi Allah dan sesama kita manusia seperti kita mengasihi diri kita sendiri! Dengan itu perintah yang terbesar adalah:

**“Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu, dan dengan seluruh akalmu; dan ‘kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri’”(NJB; Luk 10:27)! Inilah perintah yang terbesar sebab ini adalah penyelamatan kita!**

5. Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas makanan rohani dan material kita dan kita mohon kepada Allah untuk membantu kita berkongsi makanan rohani dan material kita kepada orang lain! Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas cinta kasih-Nya dan memohon kepada Allah untuk membantu kita mengasihi-Nya dan mengasihi sesama manusia seperti kita mengasihi diri kita sendiri! Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil, dan dalam komuniti-komuniti kecil:**

1. Adakah kamu bersyukur kepada Allah atas makanan rohani dan material kamu? Adakah kamu kongsi makanan rohani dan material kamu dengan orang lain?

2. Adakah kamu mengasihi Allah? Adakah kamu mengasihi sesama manusia? Adakah kamu mengasihi diri kamu sendiri? Mengapa kamu mengasihi Allah, sesama manusia dan dirimu sendiri?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia.**